

28 APR 2004

DR MAHATHIR SAMPAIKAN UCAPTAMA PADA SEMINAR ANTARTIKA

PULAU PINANG, 28 April (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucap tama pada Seminar Antarabangsa

Malaysia Kedua Mengenai Antartika Isnin depan

Dr Mahathir akan menyentuh tajuk "Dasar Antartika: Apakah Peranan

Negara Membangun di Antartika" di Hotel Parkroyal di Batu Feringghi di

sini.

Seminar tiga hari itu dianjurkan oleh Kajian Sains Biologi, Universiti

Sains Malaysia (USM).

Dekan kajian itu Prof Mashhor Mansor berkata pada sidang media hari ini

bahawa negara ini bertuah mempunyai pemimpin berwawasan seperti Dr Mahathir

yang memulakan usaha mendedahkan saintis Malaysia menjalankan kajian di

Antartika.

Katanya seminar itu merupakan agenda berterusan pasukan Antartika

Malaysia bagi meningkat dan meluaskan skop kajian saintifik di Antartika

dan kawasan persekitarannya termasuk Lautan Selatan.

Katanya objektif seminar itu adalah untuk mengumpul pakar penyelidik

Antartika, penggubal dasar dan saintis ke Malaysia dan seterusnya menyediakan medan untuk perbincangan oleh pakar pelbagai aspek benua itu.

Katanya seramai 80 orang termasuk 30 dari Malaysia akan menghadiri

seminar itu. Peserta luar negara adalah dari Argentina, Australia, Afrika

Selatan, New Zealand, United Kingdom, Jerman, Jepun, Korea Selatan, Sweden,

Rusia, India dan Indonesia.

-- BERNAMA

NHA SA DC RON